

08

Apakah perkara-perkara yang boleh menggugurkan hak seseorang terhadap hadhanah?

Umumnya, seseorang ibu adalah berhak untuk mendapat penjagaan anak yang masih kecil yang belum mencapai umur mumaiyyiz. Namun begitu, hak tersebut akan gugur sekiranya:

(a) Perempuan itu berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu dan lelaki tersebut bukan mahram dengan kanak-kanak itu;

(b) Perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;

(c) Perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu daripada menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;

(d) Perempuan itu murtad;

(e) Perempuan itu cuai atau menganiaya kanak-kanak itu.

09

Berapa lamakah tempoh hadhanah?

Tempoh hadhanah tamat setelah kanak-kanak mencapai umur mumaiyyiz, iaitu tujuh (7) tahun untuk kanak-kanak lelaki dan sembilan (9) tahun untuk kanak-kanak perempuan. Jika kanak-kanak itu telah mencapai umur mumaiyyiz, maka kanak-kanak itu berhak memilih untuk tinggal sama ada dengan ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah Syariah memerintahkan selainnya.

10

Siapakah yang berhak ke atas penjagaan anak yang tidak sah taraf?

Hak penjagaan terhadap anak yang tidak sah taraf adalah ibu atau saudara mara sebelah ibu.

11

Apakah perkara-perkara yang perlu diambil tindakan bagi membolehkan Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan untuk tuntutan hadhanah?

Setiap pemohon yang ingin mendapat khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir yang berikut:

i. Butir-butir perkahwinan

(a) Surat Nikah Asal/Surat Cerai;
(b) Sijil Kelahiran Anak-anak.

ii. Butir-butir pihak kena tuntutan

(a) Nama/alamat/pekerjaan suami/isteri;
(b) Nama/alamat majikan suami/isteri.

iii. Laporan-laporan berkaitan

(a) Runding cara;
(b) Laporan perubatan;
(c) Laporan polis;
(d) Saksi;
(e) Perakuan daripada majikan suami/isteri;
(f) Bukti berhubung dengan pertukaran alamat;
(g) Dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan, jika ada.



12

Apakah tindakan yang boleh diambil jika terdapat pihak yang gagal mematuhi perintah hadhanah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah?

Pihak satu lagi boleh memfailkan penguatkuasaan terhadap pihak yang gagal mematuhi perintah melalui pemfailan permohonan kebenaran untuk mengeluarkan Notis Tunjuk Sebab terhadap pihak yang gagal mematuhi perintah Mahkamah Syariah.

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.



HADHANAH

(HAK PENJAGAAN ANAK)



www.jbg.gov.my



[jabatanbantuanguaman](https://www.facebook.com/jabatanbantuanguaman)

HADHANAH (HAK PENJAGAAN ANAK)

01 Apakah pengertian hadhanah?

Hadhanah bermaksud penjagaan anak atau kanak-kanak yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri, sama ada lelaki atau perempuan, sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas penceraian.

02 Siapakah yang paling berhak terhadap hadhanah?

Ibu ialah orang yang paling berhak daripada orang lain bagi menjaga anak kecilnya sehingga anak kecil itu mencapai umur mumaiyyiz (kecerdikan), sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlakunya penceraian.

03 Siapakah yang akan menentukan hadhanah dan apakah pertimbangan yang diambil kira?

Jika timbul perselisihan berkenaan hadhanah, Mahkamah Tinggi Syariah merupakan pihak yang mempunyai autoriti dalam memutuskan hadhanah dan pertimbangan utama yang diberikan oleh Mahkamah Syariah adalah kebajikan kanak-kanak tersebut.

Selain itu, Mahkamah Syariah juga memberi perhatian kepada perkara yang berikut:

- Kemahuan ibu bapa kanak-kanak;
- Kemahuan kanak-kanak tersebut sekiranya dia dalam peringkat umur yang boleh menyatakan pendapatnya.

04 Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Mahkamah semasa membuat perintah hadhanah?

Semasa membuat perintah hadhanah Mahkamah Syariah boleh mengenakan syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi oleh pihak-pihak. Antara syarat tersebut ialah:

(a) Tempat kanak-kanak itu akan tinggal dan pelajarannya;

(b) Mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada buat sementara dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan kanak-kanak itu;

(c) Mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu untuk melawat ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang daripada keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau yang tidak diberi jagaan dalam masa yang difikirkan munasabah;

(d) Memberi ibu atau bapa yang tidak diberi hak jagaan atau seseorang daripada keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau yang tidak diberi jagaan untuk berjumpa dan melawati kanak-kanak tersebut pada masa-masa dan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;

(e) Melarang orang yang diberi jagaan itu daripada membawa kanak-kanak tersebut keluar dari Malaysia.

05 Apakah perintah lain yang boleh dikeluarkan oleh Mahkamah?

Sekiranya ibu atau bapa seseorang anak yang mendapat jagaan anak tersebut memohon kepada Mahkamah Syariah untuk:

(a) Suatu perintah tegahan bagi menahan pihak yang tidak diberi jagaan anak membawa anak itu keluar Malaysia, pihak Mahkamah Syariah boleh mengarahkan demikian sekiranya terdapat alasan yang munasabah atau wajar untuk sesuatu tujuan yang berfaedah kepada kebajikan kanak-kanak tersebut; atau

(b) Suatu perintah jagaan sementara (interim) dan akan berkuat kuasa sebelum perintah penjagaan diberi sepenuhnya.

06 Apakah kelayakan bagi membolehkan seseorang diberi hak hadhanah?

Kelayakan bagi membolehkan seseorang diberi hak hadhanah ialah:

- Seseorang beragama Islam;
- Seseorang baligh dan sempurna akal nya;
- Umur yang melayakkan dia memberikan kanak-kanak itu kasih sayang, jagaan dan pendidikan yang sempurna;
- Berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah. Seseorang yang terkenal dengan kefasikannya seperti penzina, pencuri, peminum arak, penjudi dan seumpamanya tidak harus diberikan hadhanah anak-anak;
- Tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

07 Sekiranya seorang ibu hilang kelayakan hak penjagaannya, kepada siapakah hak tersebut akan berpindah mengikut susunan keutamaan?

Dalam keadaan ibu hilang kelayakan hak penjagaannya, susunan keutamaan kepada hak penjagaan kanak-kanak adalah seperti yang berikut:

- Nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- Bapa;
- Nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- Kakak atau adik perempuan seibu;
- Kakak atau adik perempuan sebapa;
- Anak perempuan daripada kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- Anak perempuan daripada kakak atau adik perempuan seibu;
- Anak perempuan daripada kakak atau adik perempuan sebapa;
- Ibu saudara sebelah ibu;
- Ibu saudara sebelah bapa;
- Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah.